

**Tindakan OIC, Malaysia bukti ketegasan
Utusan Online
17 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR 16 Ogos - Tindakan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) termasuk Malaysia menggantung keanggotaan Syria menunjukkan ketegasan organisasi itu dalam peranannya membela kebajikan serta keselamatan seluruh masyarakat dan negara Islam.

Pensyarah Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohamad Faisal Keling berkata, keputusan itu perlu bagi memastikan nyawa dan masa depan rakyat Syria tidak diperjudikan semata-mata untuk memenuhi kepentingan strategik politik golongan tertentu.

Menurutnya, keputusan tegas itu tidak akan menjejaskan prinsip penubuhan OIC, sebaliknya merupakan tindakan diplomasi preventif bagi menyelamatkan masyarakat Islam daripada terus menjadi mangsa situasi pergolakan yang tidak menentu.

"Justeru, pihak berkuasa Syria perlu meneliti dan menginsafi keputusan OIC sebagai peringatan agar dapat menubuhkan sebuah pentadbiran yang mendapat pengesahan serta dipersetujui masyarakat.

"Sesebuah kerajaan yang ditentang hebat oleh rakyat sendiri seperti disaksikan di Syria ketika ini tidak boleh dan tidak layak mengekalkan pemerintahannya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas keputusan Sidang Kemuncak Luar Biasa Ke-4 OIC di Mekah semalam yang menggantung keanggotaan Syria berikutan pergolakan yang semakin meruncing di negara itu.

Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr. Sivamurugan Pandian pula berkata, keputusan itu dilihat dapat 'melembutkan' kepimpinan Presiden Bashar Assad bagi segera menghentikan pergolakan di sana.

Katanya, ini kerana perjuangan OIC dalam hal itu amat signifikan kerana kaitan Islam serta nilai kemanusiaan sejagat yang sesuai dengan situasi dalaman Syria

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120817/dn_03/Tindakan-OIC-Malaysia-bukti-ketegasan